



**YUSOF (lapan kanan) dan Ismail (sebelas kiri) merakamkan gambar kenangan bersama peserta yang menyertai konvoi itu.**

# Mahasiswa UMS perlu manfaatkan faedah dan pengalaman RB16

UB 28.5.2016 B6

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTAKINABALU:** Peserta khususnya mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menyertai Rentas Borneo 2016 (RB16) perlu memanfaatkan faedah dan pengalaman diperoleh sepanjang perjalanan ke kawasan pedalaman Sabah.

Ahli Lembaga Pengarah UMS Datuk Dr Yusof Yacob berkata, terdapat tiga matlamat utama yang diketengahkan dalam program kali ke-3 diadakan itu.

“Antaranya adalah aktiviti itu sebagai kokurikulum untuk UMS, mendedahkan UMS kepada masyarakat luar bandar dan untuk kita sebagai warga UMS menikmati keindahan luar bandar di Sabah.

“Saya berharap pelajar kita dapat memanfaatkan pengalaman yang diperolehi dalam perjalanan ini khususnya ketika melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) nanti,” katanya ketika merasmikan pelancaran RB16, di sini kelmarin.



**YUSOF (tiga kanan) melepaskan konvoi RB16.**

Beliau berkata, perjalanan dari UMS ke Kampung Puun Batu, Nabawan membawa misi penglibatan masyarakat adalah sinonim dengan matlamat ekspedisi itu.

Katanya, antara CSR yang dilakukan di kampung berkenaan adalah rawatan perubatan, rawatan gigi serta aktiviti gotong royong dan sebagainya.

“Usaha ini bukan sahaja memberikan impak kepada

kita tetapi juga kepada masyarakat setempat.

“Saya juga ingin menasihatkan para peserta bahawa utamakan keselamatan ketika memandu dan patuhi peraturandan undang-undang yang sedia ada,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi RB16 Prof Dr Ismail Ibrahim berkata, sebanyak 27 kenderaan pacuan empat roda digunakan dalam program itu yang melibatkan seramai 100

peserta.

Katanya, peserta terdiri daripada Ahli Kelab Sukarelawan Pacuan empat roda UMS, pensyarah, mahasiswa dan guru besar.

“Beberapa aktiviti kemasyarakatan diadakan selama dua hari bersama komuniti Kg Puun Batu.

“Program ini memulakan perjalanan pada 27 Mei dan tamat pada 30 Mei,” katanya.